



**MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 PUTRAJAYA

Tel: 03 – 8892 6600      Fax: 03 – 8892 6616

## **SIARAN MEDIA**

### **UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

#### **MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN WILAYAH PERSEKUTUAN KE SUKMA XVII, PERLIS 2014**

**PUTRAJAYA, 8 MEI 2014** – YB Dato' Seri Utama Tunku Adnan Bin Tunku Mansor Menteri Wilayah Persekutuan akan menyempurnakan Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Wilayah Persekutuan ke SUKMA XVII, Perlis 2014. Majlis bermula jam 2.00 petang bertempat di Aras 1, Dewan Serbaguna, Menara Seri Wilayah, Kementerian Wilayah Persekutuan Presint 2, Putrajaya.

2. Program ini di anjurkan oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersama-sama agensi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj), dan turut dibantu oleh ketiga-tiga Majlis Sukan Kuala Lumpur (MSKL), Majlis Sukan Putrajaya (MSPj) dan Majlis Sukan Labuan (MSL).

3. Penyerahan bendera ini adalah bersempena penyertaan Kontinjen Wilayah Persekutuan (WIPERS) ke Kejohanan SUKMA XVII, Perlis 2014 yang akan berlangsung pada 24 Mei hingga 4 Jun 2014 di beberapa Venue pertandingan sekitar Perlis. Dalam majlis ini YB Menteri Wilayah Persekutuan akan menyerahkan Bendera Wilayah Persekutuan kepada Ketua Kontinjen WIPERS ke SUKMA XVII Perlis, YBhg Datuk Hj Hassim Bin Hj Ismail.

4. Penganjuran majlis ini antara lainnya adalah untuk mewujud serta memantapkan semangat berpasukan antara atlet, pengurus dan jurulatih dari pelbagai bidang sukan kearah mengukuhkan lagi prestasi Kontinjen WIPERS. Dalam masa yang sama ianya adalah bagi memupuk kesedaran tanggungjawab untuk membawa nama Wilayah Persekutuan menjadi lebih gagah bukan sahaja di peringkat Negara malah di peringkat Antarabangsa.

5. Di kejohanan kali ini, Kontinjen WIPERS akan menyertai 24 acara sukan yang dipertandingkan seperti Akuatik, Angkat Berat, Badminton, Berbasikal, Bola Sepak, Boling Padang, Gimrama, Hoki, Karate, Memanah, Menembak, Olahraga , Pencak Silat, Perahu Layar, Sepak Takraw, Skuasy, Tenpin Bowling, Taekwondo, Wushu dan temasuklah 5 sukan pilihan iaitu Golf, Kanu, Petanque, Tenis dan Tinju.
6. Penyertaan Kontinjen Wilayah Persekutuan akan melibatkan **500** orang **atlet** bersama **pengurus** serta **jurulatih** dan kontinjen ini juga akan dibantu oleh **100 orang urus setia** yang akan menyelaraskan persediaan kontinjen terutamanya dari segi pengangkutan, penginapan dan kewangan.
7. Dari segi persiapan kontinjen, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan telah pun menyalurkan bantuan kepada semua persatuan bagi membuat perolehan pakaian, peralatan, makanan tambahan dan juga elauan latihan kepada semua pasukan untuk memastikan tumpuan mereka tidak terjejas.
8. Harapan YB Menteri kepada Kontinjen WIPERS adalah agar dapat mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya **50 pingat emas**. YB Menteri berharap semua pasukan terutamanya para atlet agar terus gigih berusaha dan fokus dalam pertandingan serta tidak gentar menghadapi lawan dan saling mewujudkan persaingan yang sihat antara satu sama lain.

**Disediakan oleh :**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
8 Mei 2014